

KEMENJADIAN MURID MELALUI PROGRAM PETAH, SENI PENGUCAPAN AWAM BAHASA MELAYU ALAF BAHARU

**Norani Abd Rahim, Dr Isnariah Idris, Ummi Hani Mohamed Zaid, Nor Alizah
Alias**

**Pensyarah Cemerlang
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
Jalan Yaacob Latiff, 56000 Kuala Lumpur
Tel Pejabat : 03-91318160
Tel Bimbit : 017-8786699
e-mel : nora@ipgkik.edu.my**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kemenjadian murid dalam kemahiran berkomunikasi beraras tinggi melalui program PETAH iaitu seni pengucapan awam alaf baharu yang dibangunkan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Responden seramai 160 orang murid dari 40 buah sekolah seluruh negara yang terlibat dalam program ini pada 11-12 April 2018. Kajian dijalankan secara deskriptif. Instrumen berbentuk soal selidik, dengan 4 skala likert telah digunakan berdasarkan empat konstruk utama yang mengandungi 20 item/pernyataan . Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid bersikap positif, mempunyai keyakinan yang tinggi dalam komunikasi, kepemimpinan, pemikiran kritis dan kreatif, serta pembinaan nilai dan etika. Namun, cadangan penambahan tempoh masa program bagi memantapkan lagi penjanaan idea beserta keyakinan berhujah di khalayak. Cadangan ini perlu dinilai dalam pelaksanaan program PETAH akan datang, yang secara tidak langsung membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi sebagai salah satu nilai tambah penting dalam membentuk kemenjadian murid.

Kata kunci : Petah, berkomunikasi, kemenjadian